



## **BULAN BAHASA 2024: BELIA BERBAHASA, NADI BANGSA**

**7 September 2024** – Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mempersembahkan Program Pelancaran Bulan Bahasa 2024 menerusi saluran Mediacorp Suria pada Sabtu, 7 September 2024, 8.30 malam. Majlis tersebut dilancarkan oleh Tetamu Kehormat, Presiden Tharman Shanmugaratnam. Program ini kini boleh ditonton melalui saluran MeWATCH.

Dalam ucapannya di Program Pelancaran Bulan Bahasa 2024, Tetamu Kehormat Presiden Tharman Shanmugaratnam menekankan bahawa walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan dalam masyarakat Singapura, bahasa ibundalah yang membolehkan kita kenali warisan dan nilai-nilai penting yang membentuk identiti negara kita. Beliau turut menggalakkan orang ramai untuk menyertai program-program Bulan Bahasa 2024 bagi menyemarakkan lagi seni dan bahasa Melayu. Presiden Tharman turut menyatakan bahawa pelibatan dalam program-program ini mampu melestarikan bahasa dan budaya Melayu dalam masyarakat yang berbilang kaum di Singapura.

Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, Encik Zhulkarnain Abdul Rahim mengucapkan terima kasih kepada kelab-kelab masyarakat, sekolah-sekolah dan para pejuang bahasa kerana menyokong inisiatif Bulan Bahasa 2024. Beliau juga memuji semua Rakan Bahasa yang telah memainkan peranan untuk mempromosikan budaya Melayu dalam kalangan belia. Encik Zhulkarnain turut mengatakan bahawa Duta Bahasa, Dr Fadzil Hamzah berupaya untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh dedikasi dan keikhlasan.

Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Encik Mohd Fahmi Aliman merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura dan rakan-rakan kerjasama atas dedikasi dan komitmen mereka dalam usaha untuk menyemai cinta terhadap bahasa Melayu. Beliau berharap agar usaha-usaha ini dapat dihargai dan diterima oleh semua lapisan masyarakat, khususnya golongan belia yang akan melestarikan bahasa dan budaya Melayu.



### **Program yang Menampilkan Bakat-bakat Muda dan Perjuangan Bahasa Melayu Mereka**

Program pelancaran tahun ini mengetengahkan keunggulan seni dan budaya Melayu serta menekankan penggunaan bahasa Melayu yang dinamik. Dengan irungan muzik yang diterajui Duta Bahasa, Megat Firdaus, program pelancaran Bulan Bahasa disambut dengan gah dan meriah. Program ini diacarakan oleh Duta Bahasa Farhana M Noor dan personaliti radio dan television, Fadli Kamsani.

Para penonton disajikan dengan persembahan oleh bakat-bakat muda seperti Azra Zulaikha, Amirah Fikriyah, Naufal Aiman dan Norshafiq Ridzwan, diiringi muzik secara langsung oleh Orkestra Sri Temasek, yiN Harmony, dan penari-penari Sriwana. Program pelancaran ini juga turut menampilkan pesilat-pesilat *Team Singapore* dan kemunculan istimewa oleh Fadli Kamsani, yang juga seorang penggiat silat.

Program pelancaran ini turut mengetengahkan bakat-bakat baharu dalam kalangan Rakan Bahasa. Empat Rakan Bahasa dari Sekolah Rendah Ahmad Ibrahim dan Sekolah Menengah Changkat Changi terlibat dalam satu aktiviti membaca berita bersama Duta Bahasa, Nursha Ismail. Lima lagi Rakan Bahasa telah mengambil bahagian dalam sebuah rakaman audio siar atau *podcast* yang membincangkan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan belia di Singapura.

Duta Bahasa yang dilantik pada tahun ini, Dr Fadzil Hamzah turut melafazkan kata-kata semangat dan harapan, sekaligus mengajak masyarakat untuk terus menghargai bahasa Melayu di Singapura.

### **Memupuk Penggunaan Bahasa Melayu melalui Senikata**

Tahun ini, para penonton juga disajikan dengan persembahan *rap* oleh empat individu yang memikat hati. Pada bulan Julai yang lalu, Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Mediacorp Suria telah mengajak orang ramai untuk menghantar senikata *rap* berkaitan bahasa dan budaya Melayu. Senikata *rap* ini disulam, untuk dijadikan sebuah lagu pendek 30 saat, yang disusun oleh Duta Bahasa, Megat Firdaus. Empat individu yang amat berbakat ini terpilih untuk mempersembahkan senikata yang telah dihantar oleh mereka.

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 9.30mlm, Sabtu, 7 September 2024**



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Sekretariat Majlis Bahasa Melayu Singapura Jabatan Bahasa Lembaga Warisan Negara Tel: 8575 6244 Email: <a href="mailto:NHB_MalayLanguageCouncil@nhb.gov.sg">NHB_MalayLanguageCouncil@nhb.gov.sg</a>	Cik Rita Goh Timbalan Pengarah Jabatan Bahasa Lembaga Warisan Negara Tel: 6982 1323 E-mel: <a href="mailto:Rita_Goh@nhb.gov.sg">Rita_Goh@nhb.gov.sg</a>
---	--

**Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsuri [@bulanbahasa](http://mbms.sg) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa). Untuk Kalendar Acara Bulan Bahasa 2024, sila klik "Muat Turun Kalendar" di laman [mbms.sg](http://mbms.sg).

**Tema Bulan Bahasa**

Tema Bulan Bahasa 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' menggambarkan langkah kita mengharungi era baharu. 'Cita' menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan kerelevan penggunaan bahasa Melayu. 'Citra' memaparkan kepelbagai dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. 'Cinta' pula memaparkan minat masyarakat untuk menyayangi nilai dan seni bahasa Melayu yang indah.

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 9.30mlm, Sabtu, 7 September 2024**



**Annex A**

**Gambar-gambar di Sebalik Tabir Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2024**



Duta Bahasa di Program Pelancaran  
Bulan Bahasa 2024



Dari kiri ke kanan: Pengurus MBMS, Encik Fahmi Aliman; Tetamu Kehormat Presiden Tharman Shanmugaratnam; Duta Bahasa 2024, Dr Fadzil Hamzah; dan Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa Encik Zhulkarnain Abdul Rahim



Persembahan sajak oleh  
Duta Bahasa 2024 di Program Pelancaran  
Bulan Bahasa 2024



Penyanyi, penari dan pemuzik bagi  
program pelancaran di Program Pelancaran  
Bulan Bahasa 2024

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 9.30mlm, Sabtu, 7 September 2024**



Fadli Kamsani dan Farhana M Noor mengacarkan Program Pelancaran Bulan Bahasa 2024



Kedua pengacara menemu ramah bersama Faiz Bin Zaid dan Danial Azwar Bin Mohd Yaziq yang telah disenarai pendek untuk mempersembahkan lirik rap mereka



Aliya Bte Mohamed Ibrahim dan Cikgu Nor Zalifah Bte Abdul Ghaffar mempersembahkan lirik rap mereka di Program Pelancaran Bulan Bahasa 2024



Dari kiri ke kanan: Duta Bahasa Megat Firdaus, Zhulkarnain Abdul Rahim dan Farhana M Noor di atas pentas untuk memperkenalkan Duta Bahasa 2024

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 9.30mlm, Sabtu, 7 September 2024**



Persembahan oleh Azra Zulaikha, Amirah Fikriyah dan yiN Harmony



Persembahan khas oleh Norshafiq, Naufal Aiman, Pesilat-pesilat *Team Singapore* dan pengacara Fadli Kamsani

Untuk memuat turun gambar, sila lungsuri pautan [ini](#).



**Annex B**

**UCAPAN OLEH PRESIDEN THARMAN SHANMUGARATNAM  
DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA 2024,  
SABTU, 7 SEPTEMBER 2024**

1. Salam sejahtera para hadirin sekalian. Saya amat berbesar hati dapat bersama anda pada hari ini untuk Majlis Pelancaran Bulan Bahasa. Bulan Bahasa ialah sebuah sambutan tahunan di mana kita meraikan bahasa, sastera dan budaya Melayu.
2. Tahun ini, tumpuan diberikan kepada belia kita. Ini mengingatkan kita tentang minat, kreativiti dan tenaga para belia kita. Mereka merupakan kunci untuk mempromosikan dan melestarikan bahasa dan budaya Melayu. Tahniah kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura atas usaha mereka untuk terus melibatkan belia melalui inisiatif seperti Rakan Bahasa dan Sahabat Sastera.
3. Seterusnya, izinkan saya menyampaikan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.
4. Bahasa ibunda kita sememangnya merupakan sebahagian identiti kita sebagai warga Singapura.
  - a. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang biasa digunakan dalam masyarakat Singapura yang berbilang bangsa. Ia juga telah menjadi satu bahasa yang penting bagi negara kita yang bersifat global.
  - b. Namun, melalui bahasa ibunda, kita kenal dengan warisan dan nilai-nilai penting yang membentuk identiti negara kita yang berbilang kaum, warisan dan

## **Pengumuman Media**

**Diembargo sehingga 9.30mlm, Sabtu, 7 September 2024**



budaya. Inilah yang membantu kita mengemudi dalam dunia yang pesat berubah.

- c. Bertutur dalam bahasa ibunda juga membolehkan kita mendekati masyarakat rentas negara dan budaya di rantau Asia, yang kian berkembang ekonominya. Singapura terletak di tengah-tengah lebih daripada 290 juta orang yang bertutur dalam bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia. Keupayaan menggunakan bahasa Melayu dengan baik boleh membuka peluang baharu untuk kita.
- 5. Kedwibahasaan juga memberi manfaat yang lebih luas untuk minda manusia. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempelajari dua bahasa lebih cekap dalam melaksanakan pelbagai tugas dan dalam kemahiran insani dibandingkan dengan kanak-kanak yang hanya boleh bertutur dalam satu bahasa. Bagi golongan dewasa pula, kedwibahasaan boleh membantu mencerdaskan otak, dan mengekalkan minda yang sihat. Pendek kata, kedwibahasaan banyak manfaatnya.
- 6. Pembelajaran bahasa tidak boleh hanya berlaku di sekolah. Bahasa ibunda mesti menjadi bahasa yang hidup yang digunakan dalam kehidupan seharian agar ia kekal hidup dan relevan bagi generasi akan datang.
- 7. Lantas, saya berharap anda, ahli keluarga dan rakan-rakan anda dapat mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Bulan Bahasa tahun ini, yang berlangsung selama dua bulan sehingga 13 Oktober.

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 9.30mlm, Sabtu, 7 September 2024**



8. Semoga kita terus mewariskan bahasa Melayu kepada generasi muda dan membantu mereka melihat manfaat menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan mereka. Dengan sokongan anda, kita boleh memastikan bahawa bahasa dan budaya Melayu terus menjadi sebahagian daripada fabrik budaya Singapura yang rencam.
9. Izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan serangkap pantun.

Bunga mawar di atas batu,  
Bersama dengan bunga melati;  
Mari hidupkan bahasa Melayu,  
Semoga ia kekal dilestari.

Terima kasih.